

**TEKNIK MARBLING SEBAGAI ALTERNATIF DALAM PENGHASILAN
KARYA CETAKAN MONO**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR**

OLEH:

SARMAN B. MOHAMAD

FEBUARI 2010

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA kerana memberi peluang kepada saya mengemukakan Laporan Kajian ini. Tidak lupa, Fakulti Senilukis dan Senireka yang membuka ruang memberi galakan dari awal projek ini bermula dengan kepimpinan dan iltizam pensyarah berkaliber seperti En. Romli Mahmud, selaku Koordinator Program, Prof. Madya Dr. Nik Kamaruzaman Timbalan Pengarah PJI, yang menjalankan tugas selaku penasihat dengan penuh dedikasi, En. Azman Ismail yang sudi melontarkan komen serta tunjuk ajar selaku penasihat dalam penulisan dan projek akhir ini.

Laporan projek akhir ini adalah syarat yang perlu diperolehi oleh semua pensyarah untuk tujuan pengesahan jawatan dalam UiTM. Penulisan ini dilengkapi juga dengan pelaksanaan projek studio, dimana penulis dikehendaki menghasilkan karya mengikut bidang profesionalisma masing-masing. Langkah ke studio dengan satu bekalan iaitu mencipta bentuk pengkaryaan yang segar dan mampu memecah definisi asal bidang yang ingin dikaji.

Pengkaryaan banyak tertumpu kepada proses-proses dan teknik pembicaraan yang rumit terhadap bidang (seni cetak) diharap dapat membantu perkembangan seni visual khususnya. Dengan adanya contoh pengkaryaan dan penulisan ilmiah ini, diharap dapat menyuburkan program yang baru diperkenalkan ke mata masyarakat luar.

Akhir kata walaupun singkat, saya yakin melalui kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada semua .

Sekian

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengesahan	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv-v
Senarai Jadual	vi
Senarai Gambar	vi-x
Abstrak	xi-xii
BAB 1. PENGENALAN	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Signifikan Kajian	3
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Limitasi Kajian	6
BAB 2. ANALISA KAJIAN	
2.1 Analisa Kajian Visual	8
2.2 Seni Cetak	8
2.3 Seni Cetak dan Teknologi	9
2.4 Cetakan Alternatif	10
2.4.1 Monoprint dan Monotype	11
2.4.2 Marbling	12
2.4.3 Stensil	12
2.5 Pemaknaan dan Isi	13
2.6 Inspirasi Alam	14
2.7 Tekstur Dalam Pengkaryaan	14
BAB 3. METHODOLOGI KAJIAN	
3.1 Kaedah Kajian	17
3.2 Kaedah Eksperimentasi	19
3.2.1 Kesedaran	19

3.2.2 Interpretasi	21
3.2.3 Penerokaan	22
BAB 4. PROSES PENGKARYAAN	
4.1 Proses dan Material	25
4.2 Bahan Sebagai Pernyataan Makna	28
4.3 Pengkelasan Proses Cetakan	30
4.4 Pengkelasan Alat dan Bahan	31
4.5 Proses dan Teknik	41
BAB 5. KEPUTUSAN	
5.1 Analisa Pengkaryaan	61
5.2 Sinopsis Karya	62
5.3 Ulasan Karya-Karya Yang Dihasilkan	84
5.4 Kesimpulan	85
BAB 6. BIBLIOGRAFI	87

ABSTRAK

Alam Sebagai Inspirasi Pada Karya Seni Tampak Melalui Cetakan Mono. Kesan dan simbol daripada alam sebagai ekspresi dalam cetakan monoprint. Kajian difokuskan bagaimana sesuatu media (cetakan) merupakan pendekatan *alternatif* dalam pengkaryaan. Dengan melibatkan beberapa proses yang dikenali melalui disiplin-disiplin cetakan (*marbling dan stenciling*), penjelasannya akan dilaksanakan ke atas simbol-simbol alam dimana karakter serta sifat alam itu sendiri adalah sesuatu yang disadari dan perlu dikupas tentang pengkajian maknanya.

Subjek Alam merupakan satu kegemaran dalam pengkaryaan pelukis-pelukis di Malaysia. Sejak dari era klasikal hingga ke hari ini, kebanyakan karya yang menggunakan alam sebagai rujukan, membuat pengkajian makna dan pendefinisan yang pelbagai dalam memperjelaskan isu-isu tertentu. Alam diterjemahkan melalui rangka pemikiran dari pelbagai persepsi. Alam sebagai landasan dalam penterjemahan idea. Dengan merujuk alam, segala potensi-potensi serta karakter adalah perkara dasar membangkit sensitiviti untuk mendalaminya. Setiap ruang dan lohong perlu diterokai ‘*in to deep*’ melalui pengaturcaraan media, eksperimentasi secara fizikal dan saintifik.

Persoalan seperti ini menjalar ke perasaan ingin tahu dan seterusnya menyingkap perihal pengaplikasian pelbagai alternatif teknik, proses dan bahan dalam karya dan seterusnya membawa kepada pengkajian terhadap makna dan fungsi bahan yang digunakan tersebut. Yang jelasnya kemampuan berinteraksi dengan persekitaran melalui pendekatan proses cetakan. Mencari dan meneroka untuk satu keputusan dari aspek pembuatan, gerak laku atau tindakbalas adalah melalui penerokaan dan